

Bil. S 32

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Bab 83(3))**

**PERINTAH DARURAT (TABUNG AMANAH PEKERJA), 1992**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Gelaran  
pendek dan  
permulaan  
kuatkuasa.

Tafsiran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Tabung Amanah Pekerja), 1992 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*

2. Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain :

“tabung yang diluluskan” bermakna —

(i) suatu tabung simpanan atau skim lain untuk faedah pekerja-pekerja yang ditubuhkan oleh seseorang majikan atau oleh satu kumpulan majikan dan diisyiharkan oleh Lembaga di bawah bab 34 sebagai tabung yang diluluskan, dan termasuk sebarang skim berkaitan dengan —

(a) orang-orang yang dalam pekerjaan berpencen dengan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa berkanun ; dan

(b) orang-orang yang bekerja dengan mana-mana pertubuhan jika lantikan ke sebarang pekerjaan itu dibuat oleh atau dengan kebenaran Kerajaan atau seseorang yang sebelum lantikan itu telah bekerja dengan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa berkanun dan jika tempoh perkhidmatan dengan pertubuhan itu boleh dikira bagi maksud-maksud pemberian sebarang pencen, baksis atau faedah lain oleh Kerajaan di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan pencen,

dan jika sebarang keraguan timbul mengenai sama ada mana-mana orang adalah dalam pekerjaan itu atau tidak, keputusan Menteri adalah muktamad ; atau

(ii) sebarang skim yang ditubuhkan dengan nyata oleh sebarang undang-undang bertulis untuk faedah pekerja-pekerja dalam sebarang perdagangan, perniagaan, industri atau pekerjaan :

Dengan syarat bahawa tabung simpanan atau skim itu sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (i) dan (ii) hendaklah terhenti dari menjadi tabung yang diluluskan apabila Menteri mengisytiharkannya demikian ;

"Lembaga" bermakna Lembaga Pengarah bagi Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3 ;

"Kurnia wang tunai" bermakna suatu kurnia wang tunai yang dibuat oleh Kerajaan di bawah sebarang skim yang diluluskan bagi maksud bāb 16 ;

"Kontrak" bermakna sebarang kontrak, sama ada secara bertulis atau secara lisan, dan sama ada dinyatakan atau tersirat ;

"Pekerja" bermakna mana-mana orang iaitu warganegara atau pemastautin tetap Negara Brunei Darussalam, yang diambil kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan atau perjanjian lain untuk bekerja bagi seseorang majikan :

Dengan syarat bahawa Menteri boleh dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* mengisytiharkan mana-mana orang atau golongan orang bukan sebagai pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini ;

"Majikan" bermakna orang yang dengannya seseorang pekerja telah membuat suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan dan termasuk —

- (a) mana-mana orang, syarikat, persatuan atau kumpulan orang, sama ada atau tidak berkanun atau diperbadankan yang menggaji seseorang pekerja ;
- (b) pemilik-pemilik sebarang kapal di mana seseorang pekerja digaji ;
- (c) mana-mana pengurus, ejen atau orang yang bertanggung-jawab bagi pembayaran gaji kepada seseorang pekerja bagi pihak seseorang majikan ;
- (d) mana-mana utusan asing di Negara Brunei Darussalam ;
- (e) Kerajaan berkaitan dengan kategori, kelas atau perihalan pegawai atau pekerja Kerajaan sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa diisytharkan oleh Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sebagai pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini :

Dengan syarat bahawa tiada pegawai atau pekerja itu yang digaji oleh atau bagi pihak Kerajaan boleh bertanggungan sendiri terhadap apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya sebagai pegawai atau pekerja Kerajaan itu dengan suci hati ;

"Tabung" bermakna Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 6 ;

"pemeriksa" bermakna seseorang pemeriksa yang dilantik di bawah bab 5(1) ;

"kepentingan ke atas tanah" bermakna sebarang kepentingan ke atas tanah yang diiktiraf sedemikian oleh undang-undang, dan termasuk harta pesaka ke atas tanah ;

"tanah" termasuk tanah, pegangan kekal atau pegangan pajak atau apapun pemegangannya, sama ada atau tidak terpisah dari permukaan, dan bangunan atau bahagiannya (sama ada siap ataupun tidak dan sama ada dibahagi secara mendatar, menegak atau mengikut sebarang cara lain), dan tenemen dan hereditamen, zahir atau tak zahir ;

Penggal 57. "pihak berkuasa tempatan" termasuk suatu Lembaga Bandaran yang dilantik di bawah bab 3(2) dari Akta Lembaga-Lembaga Bandaran ;

"ahli-ahli Tabung" atau "ahli-ahli" bermakna mana-mana orang di mana sebarang jumlah wang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung ;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan ;

"akaun biasa" bermakna suatu akaun biasa yang disenggara di bawah bab 15 ;

"gaji" bermakna gaji pokok yang termasuk semua ganjaran yang kena dibayar kepada seseorang pekerja atas kerja yang dilakukan berkaitan dengan pekerjaannya tetapi tidak termasuk —

- (i) nilai sebarang penginapan rumah atau pembekalan sebarang makanan, bahan api, lampu atau air atau rawatan perubatan, atau sebarang kemudahan atau perkhidmatan ;
- (ii) sebarang caruman yang dibayar oleh majikan atas akaunnya sendiri kepada sebarang tabung pencen atau tabung simpanan ;

- (iii) sebarang \*elaun perjalanan atau nilai sebarang konsesi perjalanan ;
- (iv) sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepada pekerja itu untuk membayar perbelanjaan khas yang dikenakan kepadanya menurut jenis pekerjaannya ; atau
- (v) sebarang baksis yang kena dibayar apabila diberhentikan kerja atau bersara.

3. Bagi maksud-maksud Perintah ini maka hendaklah ada suatu Lembaga yang dipanggil Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang terdiri daripada seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli lain sebagaimana yang mungkin dilantik di bawah bab 4(2).

Penubuhan  
Lembaga  
Tabung  
Amanah  
Pekerja.

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik orang-orang sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga dan Pengarah Urusan Tabung.

Keahlian  
Lembaga.

(2) Ahli-ahli lain Lembaga hendaklah terdiri daripada Pengarah Urusan Tabung yang akan menjadi ahli kerana jawatan ; dan tidak lebih daripada 9 orang ahli lain yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang daripadanya tidak kurang daripada 5 orang ahli adalah wakil-wakil Kerajaan.

(3) Korum Lembaga adalah 5.

(4) Ahli-ahli Lembaga boleh dibayar elaun-elaun sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(5) Lantikan ahli-ahli Lembaga termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia tetapi mereka hendaklah, melainkan jika lantikan mereka dibatalkan demikian atau mereka dalam pada itu meletak jawatan, memegang jawatan bagi tempoh selama 2 tahun atau bagi tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam sebarang hal oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia :

Dengan syarat bahawa tempoh selama 2 tahun yang ditetapkan oleh ceraian ini hendaklah tidak dikenakan kepada Pengarah Urusan Tabung.

(6) Lembaga adalah suatu pertubuhan yang diperbadankan yang kekal turun-temurun dan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

(7) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meterai Lembaga hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Lembaga dengan kebenaran Lembaga di hadapan Pengarah Urusan atau seseorang ahli Lembaga dan orang lain yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga untuk bertindak bagi maksud itu

dan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Urusan atau ahli Lembaga, mengikut mana yang berkenaan, dan oleh orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya itu, dan penandatanganan itu adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Lembaga telah dengan sempurna dan betul ; dibubuh dan bahawa meterai itu adalah meterai Lembaga yang sah.

(8) Lembaga boleh dengan ketetapan atau dengan cara lain melantik seseorang pegawai Lembaga atau mana-mana wakil lain sama ada secara am atau dalam suatu perkara tertentu untuk menyempurnakan atau menandatangani bagi pihak Lembaga sebarang perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berhubung dengan sebarang perkara yang termasuk di dalam kuasa-kuasa Lembaga.

(9) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang diberi atau dikenakan oleh Perintah ini atau sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Lembaga boleh dengan suratcara secara bertulis mewakilkan kepada mana-mana orang segala atau sebarang kuasa dan kewajipan itu.

(10) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil kerja kakitangan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang pada pendapat Lembaga diperlukan bagi maksud menjalankan syarat-syarat Perintah ini.

(11) Ahli-ahli Lembaga dan pekerja-pekerjanya, apapun jenisnya, hendaklah dianggap sebagai pegawai kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah.

(12) Lembaga boleh membuat aturan-aturan bagi segala atau sebarang maksud bab ini dan khususnya boleh membuat aturan-aturan —

- (a) bagi perjalanan prosidingnya ; dan
- (b) bagi lantikan, kenaikan pangkat, pembuangan kerja, penamatan perkhidmatan dan kawalan tatatertib semua orang yang diambil kerja oleh Lembaga kecuali berkaitan dengan pegawai-pegawai awam.

(13) Pengarah Urusan adalah Ketua Eksekutif dan hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Lembaga dan Tabung, penyediaan program, skim atau projek untuk pertimbangan Lembaga dan pelaksanaan keputusan Lembaga.

Lantikan  
Pemeriksa.

5. (1) Lembaga boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melantik sebilangan pemeriksa sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi menguatkuasakan Perintah ini.

(2) Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh, Penolong Pesuruhjaya Buruh di bawah Akta Buruh boleh menjalankan segala atau sebarang kuasa seorang pemeriksa bagi maksud-maksud Perintah ini.

Penggal 93.

(3) Semasa menjalankan suatu pemeriksaan, seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebutkan dalam ceraian (2) boleh pada bila-bila masa yang munasabah —

- (a) memasuki sebarang bangunan atau tempat di mana dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang diambil kerja di dalamnya ;
- (b) memeriksa, sama ada secara bersendirian atau di hadapan mana-mana orang lain berkenaan dengan sebarang perkara di bawah Perintah ini di mana dia mungkin dengan munasabah menghendaki maklumat, mana-mana orang yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebagai atau telah menjadi seorang pekerja atau seorang majikan, dan menghendaki supaya tiap-tiap orang itu diperiksa dan bagi maksud-maksud pemeriksaan itu boleh menyaman mana-mana orang itu supaya hadir di tempat dan masa yang dinyatakan dalam saman itu ;
- (c) mengajukan soalan-soalan mengenai pekerja-pekerja kepada majikan-majikan mereka atau kepada mana-mana orang yang mungkin menjaga mereka, atau kepada pekerja-pekerja itu sendiri, atau kepada mana-mana orang lain yang dia mungkin menganggap mustahak untuk menyoal dan majikan-majikan atau pekerja-pekerja atau orang lain itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan dengan sebenarnya sepanjang keupayaannya ;
- (d) menghendaki mana-mana majikan supaya mengemukakan di hadapannya semua atau mana-mana pekerja yang diambil kerja olehnya beserta dengan sebarang kontrak perkhidmatan, buku akaun gaji, daftar dan dokumen lain mengenai pekerja-pekerja yang bekerja dengannya dan untuk menjawab soalan-soalan berkenaan dengannya yang mungkin difikirkannya patut untuk ditanya ;
- (e) menghendaki mana-mana majikan supaya mengemukakan untuk diperiksa olehnya penyata-penyata akaun beraudit mengenai perusahaannya dan rekod-rekod lain berkenaan dengan akaun-akaun itu dan untuk menjawab soalan-soalan berkenaan dengannya yang mungkin difikirkannya patut untuk ditanya ; dan
- (f) membuat salinan-salinan sebarang buku, dokumen atau kertas yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah

perenggan (d) atau (e) dan mengambil milik buku, dokumen atau kertas itu apabila pada pendapatnya —

- (i) penyalinannya tidak dapat dilaksanakan dengan munasabah tanpa mengambil milik ;
- (ii) buku, dokumen atau kertas itu mungkin dirosakkan melainkan jika pemilikan diambil ; atau
- (iii) buku, dokumen atau kertas itu mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam sebarang perbicaraan kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau dalam sebarang perbicaraan bagi mendapatkan kembali sebarang wang yang kena dibayar kepada Tabung.

(4) Jika mana-mana orang dengan sengaja melengahkan seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebutkan dalam ceraian (2) pada menjalankan sebarang kuasa di bawah bab ini, atau gagal mematuhi permintaan seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai itu menurut bab ini atau mengemukakan sebarang rekod, sijil, notis atau dokumen yang mana dia dikehendaki oleh atau menurut bab ini supaya mengemukakannya, atau dengan sengaja merahsiakan sebarang maklumat mengenai siapakah pekerja-pekerja mana-mana majikan atau mengenai siapakah majikan mana-mana pekerja atau menyembunyikan atau menghalang atau cuba menyembunyikan atau menghalang seseorang dari hadir sebelum diperiksa oleh seseorang pemeriksa atau pegawai itu, orang itu hendaklah dianggap menghalang seseorang pemeriksa atau pegawai itu pada melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

(5) Mana-mana orang yang menghalang seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebutkan dalam ceraian (2) adalah melakukan kesalahan.

## BAHAGIAN II

### CARUMAN KEPADA TABUNG

Penubuhan  
Tabung  
Amanah  
Pekerja.

6. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu tabung yang digelar Tabung Amanah Pekerja (Employee Trust Fund) yang mana hendaklah dibayar ke dalamnya semua caruman yang dibenarkan di bawah Perintah ini dan hendaklah dijelaskan dari tabung itu semua pembayaran yang dibenarkan untuk dibayar di bawah Perintah ini.

(2) Lembaga adalah pemegang amanah Tabung dan semua wang yang dimiliki oleh Tabung boleh —

- (a) dideposit di dalam sesebuah bank atau bank-bank yang dibenarkan oleh Lembaga ;

- (b) dilaburkan dalam sebarang pelaburan yang dibenarkan oleh Kerajaan bagi pelaburan wang amanah dan Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menukarnya kepada wang tunai ; atau
  - (c) digunakan untuk membeli sebarang harta dan untuk membina bangunan bagi maksud-maksud Lembaga dan untuk menyewakkannya atau sebahagiannya bagi maksud-maksud untuk memperolehi pendapatan darinya dan Lembaga boleh melupuskan ke semua atau mana-mana bahagian harta dan bangunan yang disebutkan di atas.
- (3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menubuhkan sebarang jawatankuasa bagi maksud pelaburan pengurusan dan pentadbiran Tabung.

(4) Dividen hendaklah kena dibayar atas caruman kepada Tabung pada kadar satu tahun, sebagaimana yang mungkin ditetapkan dari masa ke semasa oleh Lembaga :

Dengan syarat bahawa Lembaga hendaklah tidak menetapkan suatu kadar dividen kecuali dengan kebenaran Menteri.

(5) Jika Lembaga pada bila-bila masa tidak berupaya untuk membayar sebarang jumlah wang yang mana Tabung adalah dikehendaki supaya membayarnya di bawah Perintah ini, jumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar demikian hendaklah dipertanggungkan ke atas dan didahulukan kepada Lembaga dari Kumpulanwang Yang Disatukan dan Lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang telah didahulukan itu.

7. (1) Tertakluk kepada bab 34 dan sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab 38 tiap-tiap majikan seseorang pekerja hendaklah membayar kepada Tabung pada tiap-tiap bulan berkaitan dengan tiap-tiap pekerja caruman pada kadar-kadar yang bersesuaian sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan di bawah bab 38 tersebut kecuali bahawa Lembaga boleh, atas budi bicaranya dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, membernarkan seseorang majikan atau suatu golongan atau golongan-golongan majikan untuk membayar caruman tersebut pada selangan waktu yang lain yang tidak melebihi dari 3 bulan.

Kadar caruman.

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat sebarang undang-undang bertulis atau sebarang kontrak yang berlawanan, seseorang majikan adalah berhak untuk mendapatkan kembali dari gaji bulanan seseorang pekerja jumlah yang boleh didapatkan kembali daripada pekerja itu.

(3) Jika mana-mana majikan yang telah mendapatkan kembali sebarang jumlah dari gaji bulanan seseorang pekerja menurut ceraian (2) gagal membayar caruman kepada Tabung dalam masa sebagai-

mana yang mungkin ditetapkan, dia adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Tanpa menyentuh ceraian-ceraian (1) dan (2) —

- (a) seseorang pekerja boleh pada bila-bila masa mencarum secara sukarela kepada Tabung sejumlah wang selain dari yang ditunjukkan dalam Jadual yang kena dibayar oleh majikan ;
- (b) seseorang pekerja yang berhasrat untuk mencarum melebihi dari kadar yang bersesuaian yang dipotong dari gaji bulanannya oleh majikannya boleh memberi kepada majikannya notis bertulis bagi maksud itu, dan selepas itu, selagi dia diambil kerja oleh majikan itu, majikan itu hendaklah membuat potongan dari gajinya bagi tiap-tiap bulan hingga ke masa, yang tidak kurang dari 6 bulan dari pemberian notis yang terdahulu, apabila dia memberi notis bertulis yang selanjutnya kepada majikannya mengenai hasratnya untuk menghentikan caruman bulanan berlebihan yang dipotong dari gajinya dan majikan itu hendaklah membayar jumlah potongan berlebihan itu kepada Tabung selain dari caruman bulanan yang bersesuaian ; atau
- (c) seseorang majikan boleh pada bila-bila masa membayar kepada Tabung caruman berkaitan dengan mana-mana pekerjanya pada suatu kadar yang melebihi dari kadar yang bersesuaian yang dinyatakan dalam Jadual.

(5) Dengan tidak menghiraukan sebarang kontrak yang berlawanan, seseorang majikan tidaklah berhak untuk mendapatkan kembali dalam apapun carapun daripada seseorang pekerja berkaitan dengan caruman yang kena dibayar di bawah Perintah ini sebarang jumlah wang yang melebihi dari yang dibenarkan untuk didapatkan kembali di bawah ceraian (2) berserta dengan sebarang jumlah wang yang dicarum secara sukarela oleh pekerja itu di bawah ceraian (4) dan mana-mana majikan yang mendapatkan kembali atau cuba untuk mendapatkan kembali sebarang jumlah wang yang lebih besar adalah melakukan kesalahan.

(6) Bahagian sebarang caruman yang boleh didapatkan kembali di bawah Jadual dari gaji mana-mana pekerja menurut ceraian-ceraian (2) dan (4) hendaklah didapatkan kembali oleh majikan dari gaji yang berkaitan dengannya caruman adalah kena dibayar pada masa pembayaran gaji tersebut dan tidak dengan cara lain :

Dengan syarat bahawa, tertakluk kepada syarat-syarat, sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga, jika seseorang majikan kerana kesilapan yang bukan disebabkan oleh kecuaian majikan itu, telah tidak mendapatkan kembali dari gaji yang dibayar kepada

seseorang pekerja sebarang jumlah atau sebahagian dari sebarang jumlah yang dia mungkin sebaliknya berhak untuk mendapatkan kembali pada masa pembayaran gaji tersebut, maka jumlah itu atau sebahagiannya boleh didapatkan kembali dari gaji yang kena dibayar oleh majikan itu kepada pekerja itu tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh pembayaran gaji tersebut yang berkaitan dengannya jumlah itu atau sebahagiannya telah tidak didapatkan kembali.

(7) Dengan tidak menghiraukan ceraian (6), jika gaji kena dibayar pada selangan waktu yang kurang dari satu bulan, majikan itu boleh memotong dari gaji pekerja tersebut pada masa tiap-tiap pembayaran.

(8) Jika seseorang pekerja mati tiada caruman kena dibayar di bawah bab ini oleh atau bagi pihak pekerja itu berkaitan dengan bulan berlakunya kematian itu :

Dengan syarat bahawa jika sebarang caruman itu telah diterima ia hendaklah dibawa ke Tabung menurut bab 14.

(9) Semua pekerja dan tiap-tiap majikan pekerja-pekerja itu hendaklah bertanggungan untuk membayar pada tiap-tiap bulan caruman pada kadar-kadar yang masing-masing dinyatakan dalam Jadual kepada Perintah ini.

(10) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh, dengan suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda, menambah atau mengubah Jadual dan boleh menetapkan kadar-kadar caruman yang berlainan yang kena dibayar berkaitan dengan jenis-jenis gaji yang berlainan.

8. (1) Kecuali jika dipersyaratkan sebaliknya dalam Perintah ini, majikan hendaklah, pada mulanya, bertanggungan untuk membayar kedua-dua caruman yang kena dibayar olehnya dan juga, bagi pihak dan tidak termasuk pekerja, caruman yang kena dibayar oleh pekerja itu ; dan bagi maksud-maksud Perintah ini caruman yang dibayar oleh seseorang majikan bagi pihak seseorang pekerja hendaklah dianggap sebagai caruman oleh pekerja itu.

Pembayaran  
caruman.

(2) Caruman yang kena dibayar oleh majikan bagi dirinya dan bagi pihak pekerja di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar berkaitan dengan gaji bulan pertama dan berikutnya.

(3) Dengan tidak menghiraukan bab 10, jika seseorang majikan gagal membayar sebarang caruman yang kena dibayar dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan, majikan itu hendaklah selain dari caruman itu bertanggungan untuk membayar kadar dividen yang mungkin telah terakru atas caruman itu jika caruman itu telah dibayar oleh majikan itu dalam tempoh yang ditetapkan dan dividen itu hendaklah dikira dan dikreditkan kepada akaun pekerja itu :

Dengan syarat bahawa jika kadar dividen bagi suatu tahun tertentu belum ditetapkan oleh Lembaga, kadar dividen yang ditetapkan bagi tahun sebelum tahun itu hendaklah dikenakan bagi maksud mengira dividen bagi tahun itu.

Mendapatkan kembali caruman pekerja oleh majikan.

9. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini, majikan adalah berhak untuk mendapatkan kembali daripada pekerja, menurut bab ini, jumlah sebarang caruman yang kena dibayar bagi pihak pekerja.

(2) Jumlah sebarang caruman yang kena dibayar oleh majikan bagi pihak pekerja, dengan tidak menghiraukan syarat-syarat sebarang undang-undang bertulis atau sebarang kontrak yang berlawanan, boleh didapatkan kembali dengan cara potongan dari gaji pekerja yang kena dibayar oleh majikan kepada pekerja dan tidak dengan cara lain.

(3) Tiada potongan sebarang caruman boleh dibuat —

- (a) kecuali pada masa gaji dibayar kepada pekerja ; dan
- (b) selain dari caruman berkaitan dengan gaji yang kemudiannya dibayar :

Dengan syarat bahawa, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga, jika seseorang majikan, kerana kesilapan yang bukan disebabkan oleh kecuaian majikan itu, telah tidak memotong sebarang caruman atau sebahagian dari sebarang caruman yang kena dibayar olehnya bagi pihak pekerja, maka, caruman itu atau sebahagiannya boleh dipotong dari gaji yang kena dibayar oleh majikan itu kepada pekerja tidak lewat dari enam bulan dari tarikh pembayaran gaji yang berkaitan dengannya caruman itu atau sebahagiannya telah tidak dipotong.

(4) Mana-mana majikan yang melanggar syarat-syarat ceraian (2) atau (3) adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini.

Pembayaran bayaran perkhidmatan ke atas tunggakan caruman.

10. (1) Jika jumlah caruman yang seseorang majikan adalah bertanggungan untuk membayarnya di bawah bab 7 berkaitan dengan mana-mana bulan tidak dibayar dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan, majikan itu hendaklah bertanggungan untuk membayar bayaran perkhidmatan ke atas jumlah itu bagi tiap-tiap hari jumlah itu masih belum dibayar bermula dari hari pertama pada bulan berikutnya dengan bulan yang berkaitan dengannya jumlah itu kena dibayar dan bayaran perkhidmatan hendaklah dikira pada kadar sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh dalam sebarang hal di mana difikirkannya patut mengetepikan pembayaran seluruhnya atau sebahagiannya, atau meremit seluruhnya atau sebahagiannya, sebarang bayaran

perkhidmatan yang kena dibayar atau yang dibayar di bawah ceraian (1).

11. (1) Apabila Lembaga berpuas hati bahawa sebarang jumlah telah tersilap bayar kepada Tabung berkaitan dengan mana-mana orang atau sebagai bayaran perkhidmatan di bawah bab 10, Lembaga boleh, tertakluk kepada ceraian (3), membayar balik jumlah yang tersilap bayar itu kepada orang yang telah membayarnya :

Pembayaran  
balik caruman  
yang tersilap  
bayar.

Dengan syarat bahawa jika pembayaran balik sebarang jumlah yang tersilap bayar tidak dituntut dalam masa satu tahun dari tarikh ia dibayar atau jika ahli yang berkaitan dengannya ia dibayar telah mengeluarkannya, maka jumlah yang tersilap bayar itu hendaklah tidak dibayar balik tetapi hendaklah dianggap telah dibayar dengan sepatutnya di bawah syarat-syarat Perintah ini sebagai bayaran perkhidmatan atau bagi orang yang berkaitan dengannya ia dibayar.

(2) Jika sebarang jumlah kena dibayar kepada Tabung daripada orang yang kepadanya pembayaran balik jumlah yang tersilap bayar itu mungkin sebaliknya dibuat, Lembaga boleh menahan ke semua atau sebarang bahagian dari jumlah yang tersilap bayar itu dan menolaknya dari jumlah yang kena dibayar.

(3) Tiada pembayaran balik boleh dibuat dan tiada jumlah boleh ditolak di bawah bab ini kecuali dengan persetujuan Lembaga yang boleh menghendaki mana-mana orang yang mengaku telah tersilap bayar sebarang jumlah kepada Tabung supaya membuat permohonan bertulis bagi pembayaran balik dan memberi maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga untuk menentukan jumlah yang telah dibayar itu.

12. Segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga termasuk kos mengaudit akaun Tabung sebagaimana yang dipersyaratkan dalam ceraian (1) dari bab 13 hendaklah dibayar dari wang Tabung.

Perbelanjaan.

13. (1) Akaun Tabung hendaklah diaudit sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun oleh seseorang juruaudit, yang telah diberi kuasa sebagai juruaudit syarikat di bawah bab 131(3) dari Akta Syarikat-Syarikat, yang dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga yang akan mengemukakan suatu laporan mengenainya kepada Lembaga.

Penyata  
akaun.

Penggal 39.

(2) Atas arahan Lembaga, laporan beraudit juruaudit itu akan disahkan oleh Juruaudit Agung, atau seseorang pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk bertindak bagi pihaknya.

(3) Dengan seberapa segera yang boleh selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan Pengerusi Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu akaun hasil dan perbelanjaan Tabung, atau caruman yang diterima dan pengeluaran yang dibuat dan dividen yang dikreditkan kepada ahli-ahli Tabung dalam tahun kewangan sebelumnya berserta dengan suatu penyata aset dan liabiliti Tabung.

(4) Akaun dan penyata yang disebutkan dalam ceraian (3) berserta dengan laporan Juruaudit Agung atau pegawai lain yang diberi kuasa hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan dihadapkan kepada Menteri.

(5) Tahun kewangan Tabung hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Caruman  
hendaklah  
dibayar ke  
dalam  
Tabung.

14. (1) Semua jumlah wang yang didapatkan kembali atau dipungut atas akaun caruman kepada Tabung di bawah Perintah ini hendaklah dibayar ke dalam atau dibawa ke Tabung mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya dikreditkan kepada tiap-tiap ahli Tabung —

(a) jumlah tiap-tiap caruman yang dibayar kepada Tabung baginya ; dan

(b) dividen pada kadar yang ditetapkan di bawah ceraian 4 dari bab 6 pada selangan waktu sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga dan atas jumlah yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung pada masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

Mengkredit  
caruman ke  
dalam suatu  
akaun biasa.

15. (1) Tertakluk kepada ceraian (3), hendaklah disenggara bagi tiap-tiap ahli berkaitan dengan wang yang masih ada dalam kreditnya dalam suatu akaun biasa dalam Tabung.

(2) Lembaga hendaklah mengkredit dalam akaun biasa yang dinyatakan dalam ceraian (1) tiap-tiap caruman yang dibayar ke dalam Tabung bagi seseorang ahli mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh menteri, dan Menteri boleh memberi arahan yang berlainan berkaitan dengan golongan-golongan ahli yang berlainan.

(3) Jika sebarang caruman dibayar ke dalam Tabung oleh mana-mana orang menurut sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab 38(1)(e), Menteri boleh mengarahkan supaya jumlah caruman itu dikreditkan ke dalam suatu akaun biasa.

Pembayaran  
kurnia wang  
tunai oleh  
Kerajaan ke  
dalam  
Tabung.

16. (1) Lembaga boleh menerima sebarang kurnia wang tunai yang dibuat oleh Kerajaan untuk faedah mana-mana orang yang layak bagi kurnia itu di bawah sebarang skim yang diluluskan ; dan Lembaga hendaklah mengkreditkan kurnia wang tunai itu ke dalam akaun biasa orang itu.

(2) Sebarang kurnia wang tunai yang dibayar ke dalam tabung di bawah ceraian (1) hendaklah dianggap sebagai caruman bagi maksud-maksud Perintah ini, tetapi kurnia wang tunai itu atau dividen ke atasnya hendaklah tidak dikeluarkan di bawah sebarang

peraturan yang dibuat di bawah bab 38 melainkan jika peraturan-peraturan itu dengan nyata mempersyaratkan pengeluaran kurnia wang tunai itu.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apapun dalam Perintah ini, Lembaga adalah berhak untuk mendapatkan kembali bagi pihak Kerajaan sebarang kurnia wang tunai yang dibayar ke dalam Tabung untuk faedah-mana-mana orang, berserta dengan sebarang bayaran perkhidmatan yang mana dia adalah bertanggungan untuk membayarnya kepada Kerajaan di bawah syarat-syarat kurnia wang tunai itu, dari sebarang wang yang masih ada dalam kredit orang itu dalam Tabung jika —

- (a) orang itu telah memperolehi kurnia wang tunai itu dengan cara sebarang pernyataan palsu atau mengelirukan atau sebarang dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam sebarang butir ; dan
- (b) orang itu telah melakukan pelanggaran sebarang syarat kurnia wang tunai itu.

(4) Sebarang wang yang didapatkan kembali oleh Lembaga daripada mana-mana orang di bawah ceraian (3) hendaklah dibayar balik dengan serta-merta kepada Kerajaan.

### BAHAGIAN III

#### PENGELUARAN CARUMAN

17. (1) Tiada jumlah wang yang masih ada dalam kredit seseorang ahli Tabung boleh dikeluarkan dari Tabung kecuali dengan kebenaran Lembaga dan, tertakluk kepada sebarang peraturan dan aturan yang dibuat di bawah bab 38(1) dan (2), kebenaran itu hendaklah tidak diberi melainkan jika Lembaga berpuas hati bahawa —

Kebenaran untuk mengeluarkan dari Tabung.

- (a) ahli Tabung itu telah mati ;
- (b) ahli Tabung itu telah mencapai umur 55 tahun ;
- (c) ahli Tabung itu menjadi tidak berupaya dari segi jasmani atau mental untuk bekerja dalam sebarang pekerjaan yang selanjutnya ;
- (d) didapati tidak sempurna akal ataupun sebaliknya tidak berupaya untuk menjalankan kewajipan-kewajipannya pada bila-bila masa sebelum dia mencapai umur 55 tahun ; atau
- (e) ahli itu hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan tiada niat untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam atau untuk tinggal di Negara Brunei Darussalam.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), Lembaga boleh sama ada dalam salah satu atau semua keadaan yang berikut, atas permohonan oleh seseorang ahli Tabung —

- (a) yang telah mencapai umur lima puluh tahun membenarkan, tertakluk kepada bab 18, tidak lebih dari satu pengeluaran dari Tabung sejumlah wang yang merupakan satu per empat dari jumlah yang masih ada dalam kredit ahli itu pada permulaan tahun di mana permohonan pengeluaran dibenarkan ;
- (b) yang telah membuat suatu perjanjian untuk membina atau membeli sesebuah rumah, membenarkan, tidak lebih dari satu pembayaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari peratus harga pembelian rumah itu yang ditetapkan atau jumlah yang masih ada dalam kredit ahli Tabung itu, mengikut mana yang kurang, kepada penjual atau pemegang gadaian rumah itu atau orang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga ;
- (c) yang telah ditentukan atau telah membeli atau telah membuat suatu penyusunan yang pada pendapat Lembaga adalah penyusunan yang mantap untuk membeli atau telah membina atau telah membuat suatu penyusunan yang pada pendapat Lembaga adalah penyusunan yang mantap untuk membina sesebuah rumah atau telah mengambil suatu pinjaman yang dibuat atas cagaran bagi gadaian ke atas rumah itu untuk pembeliannya, membenarkan tidak lebih dari satu pembayaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari —
  - (i) dua puluh peratus dari harga pembelian atau kos membina rumah itu ; atau
  - (ii) jumlah pinjaman yang masih belum dijelaskan pada tarikh permohonan,

mengikut mana yang berkenaan, untuk dibayar kepada penjual atau pemegang gadaian, atau orang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga :

Dengan syarat bahawa jumlah yang dikeluarkan itu hendaklah tidak melebihi dari empat puluh lima peratus dari jumlah yang masih ada dalam kredit ahli Tabung itu atau jumlah yang ditetapkan,

dan seseorang ahli Tabung yang berkaitan dengannya kebenaran bagi pengeluaran telah diberi di bawah ceraian ini hendaklah walaupun pengeluaran itu dibuat terus disifatkan sebagai pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini.

(3) Jika seseorang ahli Tabung mengeluarkan di bawah sama ada perenggan (b) atau (c) ceraian (2) sebarang jumlah yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung dia tidaklah layak selepas itu untuk membuat sebarang pengeluaran yang berikutnya di bawah salah satu perenggan itu.

(4) Apabila seseorang ahli Tabung mengeluarkan di bawah ceraian (1) sebarang jumlah yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung, dia hendaklah selepas itu tidak disifatkan sebagai pekerja, dengan tidak menghiraukan bahawa, jika tidak kerana ceraian ini, dia adalah seorang pekerja, bagi maksud-maksud Perintah ini :

Dengan syarat bahawa —

- (a) jika seseorang ahli Tabung mengeluarkan di bawah ceraian (1)(c) dari bab 17 sebarang jumlah yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung dan dia kemudianya bekerja dalam sebarang pekerjaan yang selanjutnya, dia hendaklah disifatkan sebagai pekerja tetapi dia hendaklah tidak mengeluarkan jumlah yang selanjutnya yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung sehingga dia telah mencapai umur lima puluh lima tahun atau setelah luput tempoh lima tahun dari tahun pekerjaan yang selanjutnya, mengikut mana yang terkemudian ;
- (b) jika seseorang ahli Tabung mengeluarkan di bawah ceraian (1)(b) atau (1)(d) dari bab 17 dan dia kemudianya bekerja dalam sebarang pekerjaan, dia boleh memilih untuk membayar caruman bulanan kepada Tabung dengan memberi kepada Lembaga dan atau majikannya, mengikut mana yang berkenaan, notis satu bulan mengikut cara dan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga, mengenai niatnya untuk menjadi pencarum ;
- (c) jika seseorang ahli Tabung mengeluarkan sebarang jumlah wang di bawah ceraian (1)(b) atau (1)(d) dari bab 17, dia hendaklah selepas itu tidak lagi menjadi ahli Tabung dan hendaklah dihalang dari membuat sebarang caruman yang selanjutnya.

(5) Suatu pemilihan yang disebutkan dalam proviso kepada perenggan (b) ceraian (4) hendaklah tidak dibuat supaya berkuatkuasa secara kebelakangan.

18. Apabila kebenaran diberi di bawah bab 17(1), pengeluaran hendaklah dibuat sekaligus.

Jumlah pengeluaran.

19. Lembaga boleh, setelah menerima suatu pemberitahuan secara bertulis daripada mana-mana majikan seseorang pekerja berpencen yang menyatakan bahawa pekerja berpencen itu telah mati dalam perkhidmatan atau akan bersara atas alasan mencapai umur persaraan yang boleh dikenakan kepada pekerja berpencen itu atau

Pelepasan bahagian caruman majikan.

atas sebarang alasan lain dan meminta bagi pengembalian jumlah wang yang bersamaan dengan bahagian caruman majikan yang telah dihantar kepada Tabung berkaitan dengan pekerja berpencen itu oleh Kerajaan atau daripada semua majikan pekerja berpencen itu, berserta dengan sebarang dividen yang dikreditkan ke atasnya, membayar kepada Kumpulanwang Yang Disatukan, jumlah itu berserta dengan dividen yang dikreditkan ke atasnya dan selepas itu jumlah yang masih ada dalam kredit pekerja berpencen itu dalam Tabung adalah jumlah yang telah dikurangkan dari masa tersebut.

- Pengeluaran.
20. (1) Atas suatu permohonan bagi pengeluaran jumlah wang yang masih ada dalam kredit seseorang ahli Tabung oleh seseorang yang berhak terhadapnya di bawah bab 17, Lembaga boleh membenarkan pembayaran kepada pemohon jumlah wang itu apabila ahli itu berhak untuk mengeluarkan dari Tabung dan sebarang dividen yang dikira menurut bab 14(2) hingga ke tarikh kebenaran :

Dengan syarat bahawa apabila sebarang caruman kena dibayar bagi seseorang ahli Tabung berkaitan dengan sebarang tempoh yang berakhir tidak lewat dari hari terakhir pada bulan berikutnya dengan tarikh bila pengeluaran jumlah wang yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung dibenarkan dan caruman itu tidak dibayar kepada Tabung sehingga selepas tarikh kebenaran, caruman itu boleh atas budi bicara Lembaga disifatkan seolah-olah ia telah dimasukkan ke dalam jumlah yang masih ada dalam kredit ahli itu pada tarikh kebenaran pengeluaran dan dibayar kepada pemohon dengan sewajarnya.

- (2) Semua permohonan bagi pengeluaran hendaklah disokong dengan keterangan sebagaimana yang mungkin ditetapkan dan dengan keterangan lanjut sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh Lembaga.

- Lembaga hendaklah memberitahu Pegawai Waris. Penggal 11.
21. Jika Lembaga berpuas hati bahawa seseorang ahli Tabung telah mati, ia hendaklah selepas itu memberitahu Pegawai Waris yang dengan serta-merta akan melakukan tindakan selanjutnya bagi menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab 13 dari Akta Surat Kuasa dan Pentadbiran Pesaka.

- Caruman dan deposit hendaklah tidak diserahkan atau ditahan.
22. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apapun yang berlawanan yang terkandung dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain —
- tiada jumlah wang yang dipotong dari gaji seseorang ahli Tabung di bawah bab 9 ;
  - tiada jumlah yang kena dibayar oleh majikan sebagai carumannya ; dan
  - tiada jumlah yang masih ada dalam kredit seseorang ahli Tabung,

boleh diserahkan atau dipindah atau kena ditahan, diasingkan atau dilevi bagi, atau berkaitan dengan, sebarang hutang atau tuntutan

apa pun, dan Pegawai Penerima tidaklah berhak kepada atau mempunyai sebarang tuntutan ke atas sebarang jumlah wang atau jumlah itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat ceraian (1) jika seseorang ahli Tabung telah disabitkan atas sebarang kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah dan majikannya membuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah yang layak yang telah menyabitkan kesalahan ahli Tabung itu bahawa dia telah mengalami suatu kerugian kewangan yang nyata sebagai akibat langsung dan serta-merta dari kesalahan itu, mahkamah boleh memerintahkan supaya suatu pembayaran kepada majikan itu dibuat dari Tabung sejumlah wang yang tidak melebihi dari jumlah kerugian itu atau jumlah caruman majikan yang telah pun dibayar atau kena dibayar kepada Tabung oleh majikan itu bagi pihak ahli Tabung itu dan dividen ke atasnya, mengikut mana yang kurang, dan jumlah wang itu hendaklah selepas itu dibayar kepada majikan itu dari caruman majikan yang dibayar demikian, atau kena dibayar demikian, atau dari keduanya, dan dari dividen ke atasnya.

Penggal 22.

(3) Dengan tidak menghiraukan syarat ceraian (1) jika terdapat suatu hutang atau tuntutan yang kena dibayar daripada seseorang ahli Tabung yang merupakan seorang pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan atau pihak berkuasa berkanun atau tempatan tertakluk kepada notis bertulis yang terdahulu yang telah disampaikan kepada Lembaga mengenai sebarang tuntutan sivil atau perbicaraan di sisi undang-undang yang lain yang dicadangkan untuk dimulakan terhadap ahli Tabung itu bagi suatu jumlah wang yang ditentukan banyaknya dan bagi jumlah wang yang ditentukan banyaknya itu ditahan sementara menunggu keputusan penghakiman, hutang atau tuntutan yang ditentukan sebagai jumlah wang yang ditentukan banyaknya itu atau sebarang jumlah yang kurang yang didapat kena dibayar oleh mahkamah boleh didapatkan kembali dari jumlah ke semuanya yang masih ada dalam kredit ahli Tabung itu dalam Tabung pada masa dia berhenti kerja dalam perkhidmatan Kerajaan atau pihak berkuasa berkanun atau tempatan apabila Lembaga disampaikan dengan perintah mahkamah dan jumlah yang ditentukan banyaknya itu atau jumlah wang yang kurang yang didapat kena dibayar oleh mahkamah hendaklah kena dibayar kepada pihak menuntut dari jumlah yang masih ada dalam kredit ahli Tabung itu tetapi jika terdapat suatu notis bertulis bagi penahanan di bawah bab ini dan suatu permintaan bagi pengembalian bahagian caruman majikan seseorang pekerja berserta dengan dividen ke atasnya di bawah bab 19, pembayaran yang kena dibayar di bawah bab 19 hendaklah diselesaikan sebelum sebarang pembayaran atau pembayaran sebahagian di bawah ceraian ini dibuat.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **KESALAHAN, HUKUMAN DAN PERBICARAAN**

23. Mana-mana orang yang —

Kesalahan.

(a) bagi sebarang maksud yang berkaitan dengan Perintah ini —

- (i) dengan mengetahui membuat sebarang pernyataan palsu ; atau
  - (ii) mengemukakan atau memberi atau menyebabkan atau dengan mengetahui membenarkan untuk dikemukakan atau diberi sebarang dokumen yang diketahuinya sebagai palsu dalam suatu butir mustahak ;
- (b) gagal membayar kepada Tabung dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebarang jumlah yang dia bertanggungan di bawah Perintah ini untuk membayar berkaitan dengan atau bagi pihak mana-mana pekerja dalam sebarang bulan ;
- (c) menghalang mana-mana pegawai atau pekerja Lembaga dalam menunaikan tugas-tugasnya sedemikian ;
- (d) gagal mematuhi sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawah Perintah ini ; atau
- (e) gagal membayar kepada Lembaga dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebarang jumlah yang dia bertanggungan untuk membayar di bawah syarat-syarat Perintah ini,

adalah melakukan kesalahan.

Penyiaran maklumat kepada orang yang tidak dibenarkan.

24. (1) Mana-mana orang yang diambil kerja oleh Lembaga yang tanpa kebenaran yang sah menyiarkan atau menyampaikan kepada mana-mana orang, dengan jalan lain dari semasa menjalankan kewajipan atau pekerjaannya, sebarang maklumat yang diperolehinya semasa menjalankan kewajipan atau pekerjaannya adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara bagi satu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Lembaga boleh, atas suatu permohonan oleh seseorang bakal majikan yang menimbangkan sama ada atau tidak untuk mengambil kerja mana-mana orang sebagai pekerja, memberi kepada bakal majikan itu butir-butir orang itu yang berikut —

- (a) nama majikannya atau, jika dia telah bekerja dengan lebih daripada seorang majikan, nama semua majikannya sepanjang tempoh 3 tahun yang lalu ; dan
- (b) tempoh caruman telah dibayar ke dalam Tabung bagi orang itu oleh tiap-tiap majikannya.

(3) Seseorang bakal majikan yang ingin hendak mendapatkan sebarang butir yang disebutkan dalam ceraian (2) hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan.

(4) Lembaga boleh menghendaki seseorang pemohon di bawah ceraian (3) supaya memberi bukti bahawa dia menimbangkan sama ada untuk mengambil kerja orang yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat.

(5) Tiada pembayaran balik boleh dibuat akan sebarang bayaran yang telah dibayar di bawah ceraian (3).

25. Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan yang diperbadankan dan didapati telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran atau bersebab dari sebarang perbuatan atau keingkaran di pihak mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain pertubuhan yang diperbadankan itu maka pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain itu dan juga pertubuhan yang diperbadankan itu adalah melakukan kesalahan.

Kesalahan oleh perbadanan.

26. (1) Mana-mana orang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini di mana tiada hukuman diperlukan hendaklah dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$3,000 dan dalam hal kesalahan yang kedua atau berikutnya denda yang tidak melebihi dari \$10,000 dan mahkamah yang dihadapannya penyabitan kesalahan itu diperolehi boleh selain dari denda memerintahkannya supaya membayar jumlah sebarang caruman berserta dengan sebarang dividen yang kena dibayar ke atasnya yang diperakui oleh seseorang pegawai yang dilantik oleh Lembaga bagi maksud itu supaya kena dibayar daripada orang itu pada tarikh penyabitan kesalahan itu dan jumlah itu boleh didapatkan kembali menurut undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan mendapatkan kembali denda.

Hukuman.

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman maksimum yang ditetapkan bagi sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini.

27. Tiada mahkamah boleh mengambil tahu akan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya kecuali dengan persetujuan Pendakwa Raya.

Persetujuan untuk mendakwa.

28. Lembaga dengan persetujuan Menteri boleh mengkompaun sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya dengan menghendaki pembayaran sebarang jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga terhadap kompaun itu, iaitu sejumlah wang yang tidak melebihi dari jumlah denda maksimum yang mungkin dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

Mengkompaun kesalahan.

29. Syarat-syarat Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya hendaklah tanpa menyentuh sebarang perbicaraan lain di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Pengecualian bagi perbicaraan jenayah.

Perakuan  
pegawai yang  
diberi kuasa  
sebagai  
keterangan.

Perjalanan  
pendakwaan.

Perlindungan  
kepentingan  
pekerja dalam  
tindakan  
pelaksanaan  
dan penjualan  
di bawah  
gadai-janji  
atau gadaian.

Kuasa untuk  
mengecualikan.

Tabung Yang  
Diluluskan.

30. Dalam sebarang perbicaraan di sisi undang-undang satu salinan catatan dalam akaun Tabung yang diperakui dengan sewajarnya dengan tandatangan pegawai Lembaga sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga adalah keterangan prima facie mengenai catatan yang telah dibuat itu dan mengenai kesahihan kandungannya.

31. Perbicaraan berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah syarat-syarat Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengerusi Lembaga.

## BAHAGIAN V

### RAMPAIAN

32. (1) Apabila suatu writ rampasan dan penjualan telah dikeluarkan dalam melaksanakan suatu penghakiman terhadap seseorang majikan dan sebarang harta alih atau tak alih atau aset lain yang dimiliki oleh majikan itu telah dirampas atau dijual ataupun sebaliknya dihasilkan menurut pelaksanaan penghakiman itu, dan, sebelum pembayaran hasil penjualan atau penghasilan lain kepada si piutang pelaksanaan, notis telah diberi kepada pegawai yang diberi tugas untuk melaksanakan writ itu oleh Lembaga bahawa sebarang jumlah wang kena dibayar kepada Tabung, tiada bahagian dari hasil itu boleh dibayar kepada si piutang pelaksanaan, melaninkan jika dan sehingga mahkamah yang mengeluarkan writ itu telah menentukan dan memperuntukkan jumlah wang yang kena dibayar kepada Tabung pada tarikh penjualan atau penghasilan lain itu.

(2) Jika sebarang kepentingan di mana-mana tempat pekerjaan dijual atas permohonan si piutang bercagar di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu dan Lembaga dengan memberi kepada pegawai yang diberi tugas untuk menjalankan penjualan itu notis bahawa sejumlah wang kena dibayar oleh penghutang kepada Tabung, hasil penjualan itu hendaklah tidak dibayar kepada mana-mana si piutang selain kepada Kerajaan atau si piutang bercagar melaninkan jika dan sehingga mahkamah yang memerintahkan penjualan itu telah menentukan dan memperuntukkan jumlah yang kena dibayar kepada Tabung pada tarikh penjualan itu atau melaninkan jika mahkamah berpuas hati bahawa ke semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Tabung telah dibayar hingga ke tarikh penjualan.

33. Kebawab Duli Yang Maha Mulia boleh dari masa ke semasa dengan perintah mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari semua atau sebarang syarat Perintah ini.

34. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa seseorang majikan telah menubuhkan suatu skim kebajikan yang mempersyaratkan pembayaran kepada pekerja-pekerjanya pencen, baksis atau faedah kewangan atau kebajikan yang lain (disebut dalam Perintah ini sebagai tabung yang diluluskan), Lembaga hendaklah memperakuinya bagi maksud itu.

(2) Jika Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Petuan meminda sebarang perintah yang mengisyiharkan mana-mana orang atau golongan orang bukan sebagai pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini dengan memotong mana-mana perenggannya yang menyatakan orang atau golongan orang itu, mana-mana majikan atau kumpulan majikan yang sebelum tarikh perintah itu mula berkuatkuasa telah menubuhkan suatu tabung simpanan atau skim lain untuk faedah ke semua atau sekumpulan pekerja-pekerjanya atau pekerja-pekerja mereka dari perihalan yang dinyatakan dalam perenggan itu hendaklah, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga atau budi bicaranya, memberi kepada Lembaga butir-butir tabung simpanan atau skim itu sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau dalam sebarang hal tertentu dikehendaki oleh Lembaga, dan jika selepas memeriksa tabung simpanan atau skim lain itu sebagaimana yang dipinda jika perlu mengikut cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga memperuntukkan bagi seseorang pekerja faedah-faedah yang tidak kurang baiknya dari faedah-faedah yang diperuntukkan bagi seseorang pekerja oleh Tabung, Lembaga boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mengisyiharkan tabung simpanan atau skim lain itu sebagai tabung yang diluluskan.

(3) Lembaga boleh, jika tidak berpuas hati dengan pengurusan mana-mana tabung yang diluluskan pada bila-bila masa membatalkan sebarang perisyiharan di bawah ceraian (1) tetapi tanpa menyentuh apa-apa yang telah dilakukan dahulunya atau tidak dilakukan menurutnya.

(4) Seseorang pekerja, yang dalam pekerjaan yang berkaitan dengannya suatu tabung yang diluluskan telah ditubuhkan hendaklah tidak dihalang oleh aturan-aturan tabung yang diluluskan itu dari mencarum kepadanya selama tempoh percubaan.

(5) Jika —

- (a) seseorang majikan yang merupakan salah seorang daripada sekumpulan majikan yang telah menubuhkan suatu tabung yang diluluskan berhenti menyertai tabung yang diluluskan itu ; atau
- (b) seseorang pekerja —
  - (i) meninggalkan suatu pekerjaan yang berkaitan dengannya dia adalah pencarum kepada suatu tabung yang diluluskan ; atau
  - (ii) berhenti mencarum kepada suatu tabung yang diluluskan, dalam keadaan selain dari yang dinyatakan dalam bab 17(1)(a), (b), (c), (d) dan (e),

maka jumlah yang masih ada dalam kredit tiap-tiap pekerja atau dalam kredit pekerja itu dalam tabung yang diluluskan itu yang merupakan caruman kepada tabung yang diluluskan itu oleh majikan itu dan juga pekerja itu sejak tarikh bab 7 mula berkuatkuasa, berserta dengan sebarang dividen ke atasnya, hendaklah, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, dipindahkan kepada Tabung, dan Lembaga hendaklah menyebabkan supaya dikreditkan kepada tiap-tiap pekerja itu atau pekerja-pekerja itu jumlah itu mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga. Jumlah itu hendaklah dipindahkan dalam masa satu bulan dari majikan itu berhenti menyertai tabung yang diluluskan itu atau dari pekerja itu meninggalkan pekerjaan itu atau berhenti mencarum, mengikut mana yang berkenaan atau dalam tempoh yang selanjutnya sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga dalam sebarang hal tertentu :

Dengan syarat bahawa jika seseorang pekerja —

- (a) bertukar dari pekerjaan di dalam Negara Brunei Darussalam di bawah seseorang majikan yang telah menubuhkan suatu tabung yang diluluskan ke pekerjaan di luar Negara Brunei Darussalam di bawah majikan yang sama ; atau
- (b) bertukar dari pekerjaan di bawah seseorang majikan yang merupakan salah seorang daripada sekumpulan majikan yang telah menubuhkan suatu tabung yang diluluskan ke pekerjaan di bawah majikan lain yang merupakan salah seorang daripada kumpulan yang sama,

dan dalam salah satu hal apabila pertukaran itu dibenarkan oleh aturan-aturan tabung yang diluluskan itu untuk terus mencarum kepadanya atas syarat-syarat yang sama seolah-olah pertukaran itu tidak berlaku, pekerja itu, selagi dia terus mencarum, hendaklah tidak bagi maksud perenggan (b) ceraian ini dianggap telah meninggalkan suatu pekerjaan yang berkaitan dengannya dia adalah pencarum kepada suatu tabung yang diluluskan :

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika menurut aturan-aturan tabung yang diluluskan itu jumlah yang masih ada dalam kredit insurans nyawa, polisi itu hendaklah tidak dipindahkan kepada tabung itu, tetapi hendaklah dikendalikan menurut aturan-aturan itu.

(6) Seseorang majikan yang telah menubuhkan suatu skim tabung yang telah diperakui sebagai tabung yang diluluskan di bawah ceraian (1) hendaklah —

- (a) memberi kepada Lembaga akaun berkaitan dengan tabung yang diluluskan itu, yang sempurna diaudit oleh seseorang juruaudit yang telah diberi kuasa sebagai juruaudit syarikat di bawah bab 131(3) dari Akta

Syarikat-Syarikat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga ;

- (b) mematuhi aturan-aturan tabung itu dan membayar caruman menurut tabung itu dalam tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh aturan-aturan tabung yang diluluskan itu ;
- (c) mendapatkan kebenaran awal daripada Lembaga bagi membuat sebarang pindaan kepada aturan-aturan tabung yang diluluskan itu ;
- (d) memberi penyata kepada Lembaga sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga mengenai pekerja-pekerja yang menjadi ahli atau yang telah berhenti mencarum kepada tabung itu ; dan
- (e) memberi kepada Lembaga butir-butir mengenai pekerja-pekerja ini yang baginya tabung yang diluluskan itu telah ditubuhkan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Sebarang pindaan kepada aturan-aturan sebarang tabung yang diluluskan yang dibuat tanpa kebenaran awal daripada Lembaga bagi maksud-maksud Perintah ini adalah tidak sah dan tidak berkuatkuasa.

(8) Mana-mana orang yang gagal mematuhi ceraian (5) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$5,000 dan mahkamah yang di hadapannya mana-mana orang disabitkan kesalahan kerana gagal membayar caruman ke dalam sebarang tabung yang diluluskan dalam tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh aturan-aturan tabung yang diluluskan itu boleh, selain dari denda itu, memerintahkan supaya membayar jumlah sebarang caruman dan sebarang dividen yang kena dibayar ke atasnya yang diperakui oleh seseorang pegawai yang dilantik oleh Lembaga bagi maksud itu supaya kena dibayar daripada orang itu pada tarikh penyabitan kesalahan itu dan jumlah itu boleh didapatkan kembali menurut undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu bagi mendapatkan kembali denda.

35. Jika seseorang pekerja yang menjadi ahli suatu tabung yang diluluskan meninggalkan perkhidmatan daripada majikannya sebelum mencapai umur 55 tahun, majikan berkenaan hendaklah membayar kepada Lembaga untuk dimasukkan ke dalam kredit pekerja itu dalam Tabung wang (jika ada) yang kena dibayar kepada pekerja itu di bawah tabung yang diluluskan itu atas penamatian pekerjaannya.

Pemindahan kepada Tabung.

36. Jika menurut perkerjaannya sebagai seorang pekerja mana-mana ahli Tabung telah memperolehi suatu hak terhadap sebarang faedah kewangan dalam suatu tabung simpanan atau skim lain, mana-mana bahagian atau ke semua faedah itu boleh, jika aturan-aturan tabung simpanan atau skim lain itu membenarkan, dipindahkan kepada

Pemindahan kepada Tabung dari tabung simpanan persendirian.

Tabung dan disifatkan sebagai caruman berlebihan yang dibayar untuknya di bawah bab 7(4).

Lembaga  
boleh  
mengambil  
bahagian  
dalam  
kegiatan-  
kegiatan yang  
tidak  
berkaitan  
secara  
langsung  
dengan  
Tabung dan  
boleh  
meminta  
maklumat.

Peraturan-  
Peraturan dan  
Aturan-  
Aturan.

37. Lembaga boleh, jika Menteri berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian, mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang tidak berkaitan secara langsung dengan pentadbiran Tabung termasuk khususnya pengumpulan maklumat yang berbentuk statistik ataupun sebaliknya berkenaan dengan majikan-majikan dan pekerja-pekerja dan bagi maksud ini Lembaga boleh menghendaki majikan-majikan dan pekerja-pekerja supaya memberi butir-butir sebagaimana yang mungkin diperlukan.

38. (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Lembaga dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, membuat peraturan-peraturan —

- (a) untuk mengadakan syarat bagi cara pembayaran dan pemungutan caruman dan sebarang perkara yang bersampingan dengannya ;
- (b) untuk mengadakan syarat bagi pelupusan jumlah yang tidak dituntut, tidak dibayar ataupun sebaliknya yang masih ada dalam Tabung ;
- (c) untuk mengadakan syarat bagi pengelasan sebarang pekerjaan, bukannya pekerjaan di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan, sebagai pekerjaan yang berkaitan dengannya caruman adalah kena dibayar di bawah syarat-syarat Perintah ini ;
- (d) untuk mengadakan syarat bahawa jika seseorang pekerja diambil kerja dalam suatu pekerjaan tertentu seseorang yang dinyatakan sebagai majikan utama hendaklah dianggap sebagai majikannya bagi maksud-maksud Perintah ini walaupun majikan utama itu bukan majikan terdekat pekerja itu ;
- (e) untuk menghendaki orang yang mungkin dinyatakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memperolehi pendapatan dari sebarang perdagangan, perniagaan, profesen atau pencarian, atau dari sebarang sumber atau sumber-sumber lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, supaya mencarum kepada Tabung berkaitan dengan pendapatan itu mengikut cara dan pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ;

- (f) untuk mengadakan syarat bagi ahli-ahli Tabung supaya menggunakan, menyerahhak atau mengeluarkan ke semua atau sebahagian caruman dan dividen yang masih ada dalam kredit mereka dalam Tabung bagi membeli harta tak alih atau bagi membayar balik sebarang pinjaman yang diambil untuk membiayai atau membiayai semula pembelian harta tak alih termasuk pembayaran kos, bayaran atau perbelanjaan lain yang bersampingan yang dilakukan bagi membeli suatu harta tak alih atau bagi mendapatkan sebarang pinjaman untuk membiayai atau membiayai semula pembelian itu atau berhubung dengan pengeluaran sebarang wang dari Tabung ;
- (g) untuk menetapkan kadar-kadar caruman bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Lembaga boleh, selain dari kewajipan-kewajipan lain yang dikenakan dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Perintah ini, membuat aturan-aturan —

Aturan-  
Aturan.

- (a) untuk mengadakan syarat bagi —
  - (i) pengembalian caruman di bawah Perintah ini, atau mana-mana bahagian caruman itu, yang tersilap bayar ; dan
  - (ii) pembayaran caruman di bawah Perintah ini, atau mana-mana bahagian caruman itu yang tidak tersilap bayar ;
- (b) untuk mengadakan syarat bagi penyimpanan buku-buku, akaun-akaun atau rekod-rekod oleh majikan-majikan ;
- (c) untuk mengadakan syarat bagi perlantikan lembaga perubatan bagi maksud menentukan sama ada seseorang ahli Tabung menjadi tidak berupaya dari segi jasmani atau mental ;
- (d) untuk menetapkan tatacara bagi pengeluaran jumlah wang dari Tabung ;
- (e) untuk menetapkan keterangan yang hendak dikemukakan dan orang, pegawai atau pihak berkuasa yang hendak dikemukakan keterangan bagi maksud-maksud bab 17 ;
- (f) untuk menetapkan tatacara yang hendak diikuti apabila caruman dibayar ke dalam Tabung ;
- (g) untuk mengadakan syarat, dalam hal-hal jika seseorang pekerja diambil kerja secara serentak oleh dua orang

majikan atau lebih, takat tanggungan majikan-majikan itu mengenai pembayaran caruman di bawah Perintah ini ;

- (h) untuk menetapkan borang dan tempoh sebarang notis yang akan diberi oleh seseorang pekerja kepada majikan-majikannya di bawah bab 7 ;
- (i) untuk menetapkan tatacara yang hendak diikuti apabila sebarang caruman sukarela dibayar kepada Tabung ;
- (j) untuk menetapkan pernyata yang akan dibuat dan borang dan daftar yang akan digunakan dalam menjalankan syarat-syarat Perintah ini ; dan
- (k) untuk menetapkan apa-apa yang di bawah Perintah ini boleh ditetapkan oleh Lembaga.

Lantikan dan  
perbelanjaan  
permulaan.

39. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab 1 dari Perintah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Menteri, mengikut mana yang berkenaan, boleh pada bila-bila masa sebelum tarikh mula berjalan kuatkuasanya Perintah ini, membuat segala lantikan, melakukan segala perbuatan dan membuat segala perbelanjaan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu berkaitan dengan penubuhan Tabung Amanah Pekerja dan Lembaga dan pada tarikh itu segala lantikan, perbuatan dan perbelanjaan hendaklah dianggap telah dilakukan dan dibuat di bawah Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Oktober, 1992, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM